

06/05/2000

Perdana Menteri lancar sambutan Hari Belia

KUANTAN, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan sambutan Hari Belia peringkat kebangsaan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Pahang (Sukpa), di sini 15 Mei ini.

Perdana Menteri yang dijangka tiba di sini jam 10 pagi hari itu, akan turut menyertai majlis bacaan ikrar bersama lebih 5,000 belia dari seluruh negara.

Pada majlis itu, beliau akan menyampaikan amanat berkaitan peranan belia pada alaf baru.

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Mahamad Zabri Min, berkata selepas majlis itu, Perdana Menteri akan meluangkan masa berinteraksi dengan belia.

Katanya, Pahang adalah negeri pertama menjadi tuan rumah bagi sambutan hari belia kebangsaan yang selama ini diadakan di Kuala Lumpur. Ia akan diperluaskan ke negeri lain tahun depan.

"Pelancaran Hari Belia Negara diadakan di Kompleks Sukpa manakala tempat bagi khemah kerja yang disertai 300 belia selama tiga hari bermula 13 Mei dikekalkan di Balok.

"Pada sambutan itu, kerajaan akan memberi pengiktirafan kepada tokoh belia dalam beberapa bidang dan mengumumkan pemenang 11 kategori anugerah," katanya selepas pertemuan dengan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, di kediaman rasmi Menteri Besar di sini, hari ini.

Beliau berkata, semua peserta khemah kerja belia akan diberi sijil kehadiran oleh Adnan pada 16 Mei ini.

Antara program yang diadakan dalam khemah kerja itu ialah pembangunan ilmu sahsiah diri, ceramah, gotong royong dan membina rumah untuk rakyat miskin menerusi Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

(END)